

PEMIKIRAN FAISAL TEHRANI BERDASARKAN NOVEL-NOVEL PILIHAN

FAISAL TEHRANI'S THOUGHTS IN HIS SELECTED NOVELS

Fauzi Hasan

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali

Madiawati Mamat@Mustaffa

Jabatan Kesusasteraan Melayu

Akademi Pengajian Melayu

Email: inmarlin@um.edu.my

atie@um.edu.my

Abstrak

Faisal Tehrani antara pengarang tempatan yang bukan asing dalam kesusasteraan tanah air. Sehingga kini, Faisal Tehrani menghasilkan 24 buah novel dengan gaya dan daya kepengarangan tersendiri serta mementingkan kualiti dalam novel-novelnya. Antara aspek yang dipentingkan dalam novel-novelnya adalah tema, teknik penceritaan, gaya bahasa dan latar. Namun begitu, aspek pemikiran turut menjadi kekuatan dan kelainan yang digarap dalam novel-novelnya. Pemikiran pengarang dapat menyerlahkan sensitiviti dan kreativiti pengarang dalam mengupas idea, permasalahan dan sebagainya yang berlaku di persekitaran. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis aspek pemikiran yang digarap, dikupas dan dibentangkan dalam novel-novel awal hingga novel mutakhirnya. Sehubungan itu, kajian ini akan meneliti pemikiran-pemikiran yang diangkat dalam enam buah novel, iaitu novel *Perempuan Politikus Melayu* (2000), *1511H[Kombat]* (2004), *Surat-surat Perempuan Johor* (2005), *Tunggu Teduh Dulu* (2010), *Bahlut* (2010) dan *Bagaimana Anyiss Naik Ke Langit?* (2016). Kajian ini dijalankan secara kualitatif dengan melakukan pembacaan novel secara mendalam berdasarkan tujuan dan objektif kajian.

Kajian ini mendapati pemikiran-pemikiran yang menjadi fokus dalam novel-novel, adalah pemikiran sosioekonomi, politik dan kepimpinan, keagamaan dan sisi sosial. Pemikiran-pemikiran yang diungkapkan itu seiring dengan kematangan dan tujuannya menghasilkan sesebuah novelnya. Malahan terdapat pemikiran-pemikiran yang penting dan pemikiran hampir sama menjadi fokus dalam novel-novelnya. Justeru itu, pemikiran-pemikiran ini menjadi ideologi, falsafah dan membina individualisme dalam kepengarangan Faisal Tehrani kerana diungkapkan secara berterusan dalam novel-novelnya.

Kata kunci: Pemikiran, Kepengarangan, Sosioekonomi, Sosiososial, Politik dan Individualisme.

Abstract

Faisal Tehrani is one of the most popular local authors in literature. Faisal Tehrani has produced 24 novels with his own unique style and authorship as well as the importance of quality in his novels. Among the important aspects of his novels are themes, storytelling techniques, language style and background. However, this aspect of thinking has also been the strength and variety of the works in his novels. Author's thoughts can highlight the author's sensitivity and creativity in uncovering ideas, problems and so on in the environment. The purpose of this study is therefore to analyze the aspects of thought that have been worked out, published and presented in early novels to the latest. In this regard, this study will examine the ideas raised in six novels, namely novels *Perempuan Politikus Melayu* (2000), *1511H[Kombat]* (2004), *Surat-surat Perempuan Johor* (2005), *Tunggu Teduh Dulu* (2010), *Bahlut* (2010) dan *Bagaimana Anyss Naik Ke Langit?* (2016).

This study was qualitatively conducted by in-depth reading of the novel based on the purpose and objectives of the study. This study found that the thoughts that were the focus of the novels, were socio-economic, political and leadership, religious and social. The thoughts expressed are in line with the maturity and purpose of producing a novel. There are even important thoughts and almost identical thoughts that are the focus of his novels. Thus, these ideas became ideological, philosophical and individualism in the authorship of Faisal Tehrani as they are constantly expressed in his novels.

Key word: Thinking, Authorship, Socio-Economic, Socio-Social, Politic and Individualism.

1.0 Pengenalan

Kesusasteraan Melayu atau bangsa mana-mana pun di dunia ini yang dihasilkan oleh pengarang atau penulis dengan mempunyai tujuan dan menjadi imej masyarakat kerana memaparkan kepelbagaian kehidupan masyarakat yang melahirkannya. Menurut Taine (A. Rahim Abdullah, 1996), teks kesusasteraan mestilah dianggap sebagai pernyataan tentang psikologi seseorang individu dan seterusnya merupakan sebagai pernyataan tentang suasana, persekitaran dan tempoh yang di dalamnya individu itu hidup, serta jenis bangsa yang dianggotainya. Oleh sebab individu itu adalah ahli masyarakat, maka idea yang terkandung dalam karyanya datang dari satu segi pantulan daripada masyarakatnya (A. Wahab Ali, 1995). Lantaran itu, karya sastera sama ada prosa atau puisi menyampaikan unsur cerita yang kompleks dan mengajak khalayak untuk menganalisis serta mentafsirkan maknanya yang berpaut erat dengan pengalaman

manusia. Shahnnon Ahmad (1991) menegaskan bahawa karya sastera bukan sahaja mencatat tetapi menganalisis segala gerak gempu kehidupan, gerak gempu dalam erti kata segala rintangan, segala halangan dalam kehidupan. Kesusasteraan amat intim dengan masyarakat kerana merakamkan berbagai-bagai detik pengalaman dan denyut kehidupan mikro kosmos yang wujud dalam masyarakatnya (Sahlan Mohd. Saman, 2005) dan berfungsi sebagai satu institusi kemasyarakatan orang Melayu (Mohd. Taib Osman, 2011).

Penghasilan karya kreatif akan melibatkan dua perkara, iaitu proses berfikir kreatif dan proses kreatif. Oleh itu, karya kreatif adalah hasil daripada curahan perasaan pengarang tentang nilai-nilai hidup yang dinamis yang dirasakan oleh nuraninya (Rahimah Haji A. Hamid, 2012). Sehubungan itu, bagi menghasilkan sesebuah karya sastera, memerlukan pengarang yang mempunyai bakat, minat secara lahir semulajadi dan mendalam dalam diri. Namun begitu, bukan semua individu yang dilahirkan di alam fana ini dianugerahkan bakat mengarang. Melalui bakat kepengarangannya, seseorang pengarang mampu mencerna segala bahan yang dikutipnya daripada realiti kehidupan berdasarkan pengalaman peribadi dan pengamatan pengalaman orang lain yang berlaku di persekitarannya lalu menjadi sebuah karya dalam pelbagai genre (A. Rahim Abdullah, 2010). Oleh itu, karya sastera dianggap wadah yang amat berpengaruh untuk membentuk pemikiran masyarakat (Sahlan Mohd. Saman, 2012), dan karya sastera berperanan penting sebagaimana yang ditegaskan oleh Muhammad Haji Salleh (1999) mengatakan:

"walau betapa canggihnya tamadun suatu bangsa itu ia memerlukan sastera untuk merakam kehidupannya, menggalurkan lorong dan arahnya, dan mengharapkan sasterawan untuk memberi pendapat tentangnya. Pengarang adalah penyumbang penting yang dapat memberikan imbalan bukan sahaja kepada dunia seseorang atau sesebuah negara tetapi juga kepada individu pembaca yang sering sesat dalam dunia yang rumit".

Senario ini dilihat begitu relevan apabila memperkatakan mengenai Faisal Tehrani dan dunia kepengarangannya. Dalam penulisan kreatif, Faisal Tehrani sangat prolifik kerana menulis hampir semua genre sastera yang merangkumi cerpen, novel dan skrip drama. Namun begitu, Faisal Tehrani lebih menonjol dalam penulisan cerpen dan novel. Sehingga kini, Faisal Tehrani telah menghasilkan sebanyak 24 buah novel dan berupaya menulis lebih daripada satu novel pada tahun yang sama. Dengan berkebolehan menghasilkan novel yang banyak ini merupakan satu pencapaian dan produktiviti yang luar biasa bagi seseorang pengarang. Di samping itu, Faisal Tehrani bukan hanya pandai menulis, tetapi juga mengkritik dan turut mengisi sesuatu yang ingin disampaikan melalui kritikan atau perspektif terhadap karya sastera.

Kecenderungan Faisal Tehrani dalam menghasilkan novel dengan menengahkan pelbagai pemikiran, gagasan, persoalan dan sebagainya, telah meletakkan dirinya pada indiosinkronisasi tersendiri. Pada awal penglibatan umpamanya, kehadiran Faisal Tehrani dikelompokkan dalam kalangan penulis generasi baharu atau "Angkatan 1990-an" dan penulis novel remaja. Faisal Tehrani bersama dengan Zaman

Husin dan Saharil Hasrin Sanin telah mempopularkan sastera *underground* (Maniyamin Ibrahim, 2009). Menurut Nisah Haron (2010), kumpulan ini dilihat tidak lagi membicarakan tema-tema klise, tetapi lebih yakin membicarakan isu-isu global. Penghasilan karya ini memberi kebebasan kreativiti daripada stereotaip pengarang. Sastera yang dimaksudkan bersifat terbuka, berbeza dan berani ialah penghasilan cerpen-cerpen yang terkeluar daripada arus perdana. Manakala A. Samad Said (1999) pula mengatakan, kelompok penulis generasi baharu terlalu gemar mengupas ilmu atau disiplin secara terperinci dalam karya mereka.

2.0 Pengarang dan Kepengarangan Faisal Tehrani

Mohd Faisal bin Musa atau dikenali sebagai Faisal Tehrani, dilahirkan di Kuala Lumpur pada 7 Ogos 1974. Beliau menetap di Kuala Lumpur selama lima tahun, sebelum kedua-dua ibu bapanya berpindah ke Melaka. Ibu dan bapanya bertugas sebagai kakitangan kerajaan di Hospital Melaka. Sejak dari tahun 1989, iaitu ketika berusia 16 tahun lagi sudah memperlihatkan minat dan potensi dalam bidang penulisan, dengan membaca buku atau majalah sebagai usaha awal untuk menggilap bakatnya. Pendedahan awal ini memberikan ruang dan peluang kepada Faisal Tehrani untuk terlibat secara aktif dalam bidang penulisan. Minat dan kesungguhan dalam bidang ini semakin menebal apabila mengikuti bengkel penulisan yang dijalankan oleh Zaharah Nawawi dan Othman Puteh (Wan Zaliha binti Wan Othman, 2013).

Faisal Tehrani merupakan antara seorang penulis tanah air yang aktif dan berbakat besar kerana berjaya menghasilkan karya-karya yang bermutu. Isu-isu yang sering dibawa oleh beliau dalam karya-karyanya mencakupi permasalahan dalam negeri,

luar negeri dan dunia, serta termasuk juga kecenderungan beliau terhadap isu-isu politik yang membolehkan Faisal Tehrani membincangkan pelbagai isu dan permasalahan besar yang sering melanda dunia (Ummi Ammar, 2004). Pada awal penglibatannya, gaya penulisan Faisal Tehrani dipengaruhi oleh gaya penulisan Shahnnon Ahmad kerana banyak mempelajari dan mencontohi teknik penulisan sasterawan tersebut (Wan Zaliha binti Wan Othman, 2013). Jelani Harun (2004) mengatakan, Faisal Tehrani merupakan seorang penulis berbakat yang bakal meneruskan tradisi penulisan sastera Islam tanah air, dan menjadi generasi pelapis yang berpotensi serta berbakat dalam mencipta kreativiti dalam nur Islam.

Berkaitan dengan keperibadian pula, Faisal Tehrani sukar difahami oleh rakan-rakannya sendiri kerana mempunyai peribadi yang agak misteri dan bercita-cita tinggi (Ummi Hani, 2006). Lantaran itu, beliau memiliki sifat yang tidak mengikut pendapat orang lain dan memegang kepada prinsip setiap apa yang dilakukan perlu dilaksanakan mengikut tanggungjawab kepada masyarakat. Sebagai seorang penulis yang mempunyai cita-cita yang tinggi dalam memartabatkan dunia penulisan tanah air. Faisal Tehrani sanggup menjelajah ke setiap pelusuk negeri seperti ke Indonesia, Timur Tengah, Eropah dan Turki bagi memperkaya bakat penulisannya (Wan Zaliha binti Wan Othman, 2013). Dalam usaha memperkenalkan diri dalam dunia penulisan, beliau telah menggunakan pelbagai nama samaran semasa peringkat awal penulisannya. Antara nama yang pernah digunakan ialah Pasdaran e-Islam dan Tun Mamat. Namun penggunaan nama tersebut tidak dapat menampilkan dirinya untuk dikenali. Malahan rata-rata editor tidak berminat dengan nama tersebut. Menyedari keadaan tersebut, beliau menggunakan nama Faisal Tehrani dan nama ini muncul semenjak di bangku

sekolah lagi. Nama Faisal Tehrani ini diperoleh kerana terpengaruh dengan bacaan terhadap buku-buku Arab, dan kitab-kitab yang dikarang oleh Iman Bukhari dan tokoh-tokoh Islam lain seperti Malik Ben Nabi, Abu Hasan al Nadwi dan Hassan al-Banna. Gelaran 'Tehrani' sendiri merujuk kepada singkatan daripada perkataan 'Tehran' yang merupakan salah sebuah tempat di Timur Tengah. Seterusnya, akibat pengaruh daripada bahan bacaan tersebut juga, menyebabkan Faisal Tehrani cenderung untuk menulis isu-isu dan permasalahan seperti sejarah dan agama. Situasi ini turut mendorong Faisal Tehrani melahirkan pemikirannya dalam karya kreatif untuk mengemukakan pelbagai mesej dan faedah kepada masyarakat. Oleh sebab wujud rasa tanggungjawab sebagai penulis, Faisal Tehrani menulis berlandaskan norma, etika dan nilai budaya masyarakat Islam setempat supaya menghasilkan "sesuatu yang suci dan mensucikan" dalam beribadah melalui sastera (Faisal Tehrani, 2008).

Dalam penulisan karya kreatif, cerpen merupakan jenis penulisan awalnya. Cerpen pertamanya bertajuk '*Anastasia*' pada tahun 1992 dan disiarkan dalam majalah *Muslimah* (Faisal Tehrani, 2008). Novel pertamanya yang dihasilkan pada tahun 2000 bertajuk "*Musim Dingin Terakhir*" dan "*Cinta Hari-hari Rusuhan*" yang diterbitkan oleh Creative Enterprise. Novel *Perempuan Politikus Melayu* pula dihasilkan pada tahun pertama pengajian di Universiti Malaya pada tahun 2000. Oleh sebab novel ini mempunyai kualiti yang baik, telah mendapat ulasan baik daripada Johan Jaafar, SM Zakir dan Amida AbdulHamid (2008), pula mendapati bahawa, novel ini sebagai satu aplikasi keberanian Faisal Tehrani dalam menangani permasalahan masyarakat. Kejayaan dan kritikan positif ini telah mendorong untuk menjadikan bidang ini sebagai sumber pendapatan tetap secara sepenuh masa.

Bakat dan kreativiti Faisal Tehrani tidak terbatas pada genre cerpen dan novel sahaja, tetapi menghasilkan puisi. Faisal Tehrani mula terbabit dalam menulis puisi sekitar tahun 1990 dan puisi pertamanya bertajuk “Melayu Malaysia Melayu Singapura” dan disiarkan dalam akhbar *Harakah*. Dalam mencipta puisi, Faisal Tehrani banyak mendapat didikan dan bimbingan secara langsung dan tidak langsung daripada beberapa penulis tanah air seperti Sasterawan Negara A. Samad Said (Ummu Hani Abu Hassan, 2006). Selain itu, ada beberapa penulis lain yang turut membantu, iaitu Shahnnon Ahmad, Zaharah Nawawi dan Sutung Umar RS yang membantunya menjadi penulis puisi yang profilik. Namun begitu, genre ini tidak dapat diberi perhatian serius olehnya kerana lebih terarah kepada cerpen dan novel, walaupun pernah memenangi Hadiah Sastera dengan puisi ‘*Sesudah hujan*’ dan ‘*Dahli*’.

Keinginan dalam menghasilkan karya kreatif telah mendorong untuk menulis novel secara serius dan dengan teknik yang betul. Bagi mencapai impian tersebut, Faisal Tehrani telah mengikuti seminar penulisan membina plot yang baik dengan Othman Puteh (Faisal Tehrani, 2008) bagi menghasilkan novel yang berkualiti. Hal ini diakui oleh Faisal Tehrani yang mengakui kelemahan sesuatu karyanya ialah kelemahan plot. Selain itu, Faisal Tehrani turut memberikan tumpuan kepada bahagian perwatakan dan pembinaan plot yang baik. Faisal Tehrani tidak jemu-jemu dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan perbaiki penulisannya dengan mengikuti pelbagai bengkel atau seminar berkaitan dengan penulisan. Umpamanya, Faisal Tehrani kerap mengikuti seminar dan bengkel yang dianjurkan oleh pelbagai pihak seperti Program Penataran Sastera pada tahun 1999 di Indonesia. Malahan beliau turut mengikuti aktiviti-aktiviti bersama dengan penulis-penulis seperti Mawar Shafei, Hizairi Othman dan Jasni Matlani,

bagi mewakili Malaysia dalam genre esei yang dijalankan di Bogor dan Jakarta, Indonesia dan program ini telah dianjurkan oleh Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA). Selain itu, penulisannya dalam majalah *Muslimah* dan *Dunia Islam* banyak membantu beliau dalam memupuk minat dan meningkatkan kualiti penulisannya.

Di samping itu, Faisal Tehrani berkebolehan dalam menguasai beberapa bahasa asing dengan baik. Antara bahasa asing tersebut ialah bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Perancis, bahasa Turki dan bahasa Jerman. Kemahiran dan menguasai pelbagai bahasa ini membantu Faisal Tehrani untuk berkomunikasi dan berinteraksi semasa melawat ke negara-negara tersebut. Pengalaman dan pemerhatian yang diperoleh semasa berada di luar negara telah memberi ilham dan dorongan untuk membincangkan isu-isu seantero terutama yang melibatkan isu dunia. Lantaran itu, rata-rata karya Faisal Tehrani lebih berfokus kepada konflik Islam dengan orang bukan Islam. Di samping mencari idea, Faisal Tehrani turut terlibat dalam kegiatan-kegiatan sukarela semasa berada di luar negara. Oleh itu, Faisal Tehrani merupakan salah seorang aktivis hak asasi manusia yang berhubung dengan *Asia Pacific Youth Forum* dan membantu dalam menyumbangkan idea dalam penghasilan karyanya. Penglibatan secara aktif dalam aktiviti-aktiviti sukarela juga memberi peluang dan ruang untuk membuat promosi hak asasi manusia di beberapa negara seperti di Burma, Chiang Mai dan negara-negara lain (Faisal Tehrani, 2007). Faisal Tehrani diberi peluang menyampaikan ucapan di hadapan penggiat Hak Asasi Asia Tenggara dan Pasifik dengan tajuk "*One Hundred Years of Lies*". Walaupun segala penglibatan dalam aktiviti sosial ini tidak berkait dengan dunia penulisan sastera, namun telah menyumbang pengalaman dan idea untuk menjadi sumber penulisannya.

Dalam bidang penulisan kreatif, Faisal Tehrani telah memenangi pelbagai anugerah khasnya dalam Hadiah Sayembara Sastera. Beliau telah memenangi hadiah dalam sayembara anjuran Hadiah Sastera Siswa DBP-Bank Rakyat pada tahun 1994 menerusi cerpen bertajuk “*Malam ini Philadelphia Menangis*”. Seterusnya, sayembara anjuran Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank pada tahun 2004, dengan cerpen ‘*Anak*’ dan cerpen ‘*Opah*’. Pada tahun 1995 pula, beliau memenangi dalam sayembara anjuran Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank dengan cerpen bertajuk “*Pemberontakan Kedua*”. Pada tahun 1996, cerpennya bertajuk “*Perempuan Anggerik*” dan cerpen bertajuk “*Api KL Belum Terpadam*” telah memenangi hadiah bagi sayembara yang sama. Keunikan dan kelebihan oleh cerpen ini telah diterjemah kepada bahasa Thai, Inggeris dan Jepun. Malahan cerpen ini telah dipersembahkan dalam bentuk tarian pada 29 Julai 2001 di *The Actors Studio* oleh koreografer terkenal, iaitu Jasni Abdul Hamid.

Pencapaian Faisal Tehrani terbukti lagi apabila memenangi Hadiah Sastera Karya anjuran Kumpulan Utusan Publications pada tahun 1997. Cerpen yang dihasilkannya bertajuk “*Surat Untuk Gabe 1*”. Seterusnya cerpen beliau bertajuk “*Cinta Gendang Kasturi*” telah memenangi Hadiah Sastera Utusan Malaysia pada tahun 1998. Kemenangan beliau diteruskan pada tahun 1999 bagi hadiah yang sama dengan cerpen bertajuk “*Bulan dan Wira*” dan puisi bertajuk “*Sesudah Hujan Dahlia*”. Selain itu, beliau turut memenangi sayembara menulis berunsur Islam menerusi sayembara menulis drama berunsur Islam dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia 1996/ 1997. Bagi sayembara ini, cerpennya bertajuk “*Cahaya Pada Jiwa*” telah memenangi Hadiah Sastera Berunsur Islam. Sementara itu, cerpennya bertajuk “*Manisnya Epal*” telah dimasukkan

dalam komponen sastera Bahasa Melayu untuk Tingkatan Empat dan pernah disiarkan dalam majalah *Dewan Siswa*, April 1995.

Selain mencapai kejayaan menerusi cerpen, Faisal Tehrani turut memenangi bagi sayembara menulis novel. Novel *1511H[Kombat]* telah memenangi tempat pertama bagi Hadiah Sastera Utusan Malaysia-Exxon Mobile pada tahun 2003. Penciptaan novel ini melalui rujukan mendalam terhadap karya-karya lain sebagai panduan sebelum mengarang. Penghasilan novel ini melalui penyelidikan selama enam tahun tentang kejatuhan Melaka ke tangan Portugis bagi merealisasikan peristiwa tersebut. Novel ini telah dijadikan sebagai buku teks kepada mahasiswa Pengajian Melayu di Universiti Cologne, Jerman. Pengiktirafan luar biasa dari luar negara telah menyemarakkan semangat beliau untuk meneruskan aktiviti dalam menghasilkan karya lebih berkualiti. Kemampuan Faisal Tehrani dalam menghasilkan karya kreatif yang pelbagai genre iaitu novel, cerpen, puisi, drama dan penulisan esei membuktikan, beliau seorang penulis yang profilik dan verstail. Pemikiran atau bahan yang menjadi titik tolak kepada karya-karya beliau adalah daripada isu semasa, pembacaan, pemerhatian, pengalaman dan penyelidikan dalam menghasilkan pelbagai karya kreatif. Faisal Tehrani turut berpendapat bahawa setiap genre mempunyai kekuatan tersendiri dan memberi kepuasan berbeza kepadanya (Wan Zaliha binti Wan Othman, 2013).

Menyorot bidang kerjaya pula, Faisal Tehrani memiliki banyak pengalaman bertugas di pelbagai pusat pendidikan dan syarikat penerbitan. Bagi kerjaya dalam akademik, Faisal Tehrani pernah dilantik sebagai *felleo* di Universiti Sains Malaysia. Selain itu, pernah menjadi pensyarah sambilan untuk subjek Seni Persembahan di Universiti

Institut Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam dari tahun 2002 hingga 2004. Selepas itu, beliau menjawat sebagai pensyarah di Fakulti Penulisan di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dari Julai 2009 sehingga kini menjawat jawatan sebagai Pensyarah Kanan di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2011. Jawatan sebagai pensyarah ditawarkan sebaik sahaja menamatkan pengajian pada peringkat kedoktoran.

3.0 Sorotan Kajian-kajian Lepas

Pada peringkat awalnya, karya-karya Faisal Tehrani mendapat ulasan, kritikan dan kajian dalam bentuk artikel dan esei-esei dalam majalah *Dewan Sastera*. Berdasarkan satu wawancara oleh editor *Dewan Sastera*, iaitu Rozinah Abd. Aziz (Ogos 2004) yang menyentuh penglibatannya dalam dunia penulisan. Dalam pertemuan tersebut, Faisal telah memperkatakan novelnya, iaitu *1511 [Kombat]*, *Tunggu Teduh Dulu* dan *1515*. Semasa membicarakan novel-novel tersebut, bicara itu lebih menjerus kepada dakwah untuk golongan remaja. Umpamanya beliau menyisipkan semangat berjihad, mempertahankan agama dan ummah dalam novel *1511[Kombat]* supaya dapat meresap ke dalam jiwa dan roh remaja pada masa kini. Selain itu, pengkaji sastera oleh Hashim Awang (2004) dan Noraini Md. Yusof (2004) telah membicarakan novel *1515*. Sohaimi Abdul Aziz (2004) telah meneliti aspek kritikan terhadap politik dalam Novel *Perempuan Politikis Melayu* yang diungkapkan oleh Faisal Tehrani. Menurutnya, novel ini membawa satu persoalan yang lebih besar iaitu kepimpinan politik orang Melayu. Selain itu, beliau turut mengkaji teknik penulisan novel yang berbeza dan tersendiri menjadikannya sebuah novel yang sukar difahami dan diikuti jika tidak ditekuni semasa membacanya.

Beberapa kajian yang telah dikerjakan terhadap karya-karya Faisal Tehrani, khususnya novel-novel. Umpamanya kajian oleh Mazri bin Abdul Rahman (2006) bertujuan meneliti penerapan aspek-aspek sejarah yang pernah berlaku dalam perkembangan Islam dan yang terkandung dalam al-Quran. Beliau mengkaji tiga buah novel Faisal Tehrani, iaitu novel *1511* (2002), *1511H[Kombat]* (2003) dan novel *Advencer si Penuip Ney* (2004). Kajian ini menggunakan tiga prinsip gagasan Persuratan Melayu yang dikemukakan oleh Mohd Affandi Hassan iaitu hakikat insan, hakikat ilmu dan amal dan hakikat dan fungsi sastera untuk melihat sama ada novel-novel tersebut tergolong sebagai novel sastera Islam atau tidak. Bagi mencapai tujuan kajian, analisis yang dijalankan dengan menganalisis isi kandungan dan peranan watak-watak yang menggerakkan cerita sama ada memenuhi tanggungjawab sebagai hamba Allah dan Khalifah Allah di muka bumi atau pun tidak. Dapatan kajian menunjukkan pengarang telah menepati tiga prinsip asas dalam gagasan Persuratan Melayu, iaitu hakikat insan, ilmu dan amal, hakikat dan fungsi sastera. Novel-novel tersebut sarat dengan ilmu pengetahuan yang sesuai dijadikan pengajaran dan iktibar ialah mengubah sikap dan persepsi terhadap apa sahaja yang berlaku di sekitarnya.

Sementara itu, kajian oleh Md. Salleh Yaapar (2007) yang mengkaji novel *1515* (2003) secara bandingan melalui adunan bacaan tekstual dan intertekstual dan beberapa pendekatan seperti pascakolonial, pascamoden dan feminis yang turut memberi penekanan kepada revesionisme, perspektif alternatif dan penolakan hegemoni. Kajian ini mendapati bahawa novel *1515* sebuah karya sastera Melayu mutakhir yang hebat dan wajar dijadikan bacaan untuk khalayak secara meluas serta disarankan untuk disebarikan ke peringkat antarabangsa. Seterusnya kajian oleh Amer Hamzah b. L. Kadir (2009)

yang berfokus kepada persoalan ciri-ciri karisma yang dimiliki oleh watak-watak remaja perempuan dalam novel-novel Melayu. Kajian ini berlandaskan psikologi remaja berasaskan Teori Karismatik yang dipelopori oleh Max Webber, Bernard M. Bass dan Hunsaker P.L. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih novel *1511H[Kombat]* (2002) oleh Faisal Tehrani dan novel-novel remaja lain ialah *Julia* (2001), *Rona Bosphorus* (2002), *Trilogi Cinta* (2001) dan *Kembara Amira* (2006). Dapatan kajian mendapati 'isi' dalam novel-novel remaja menyerlahkan kepimpinan berkarisma serta mempengaruhi keseluruhan watak-watak lain yang membantu watak utama berfungsi sebagai pemimpin kecil yang berkarisma. Manakala dapatan daripada 'bentuk' menunjukkan unsur 'sebab' dan 'akibat' dan 'klimaks' turut menyerlahkan kepimpinan remaja berkarisma dalam novel-novel tersebut. Mohd. Faizal b. Said (2007) pula meneliti novel *1511H [Kombat]* dan mendapati Faisal Tehrani berjaya menonjolkan ciri-ciri modal insan kelas pertama dan berperibadi unggul (*towering personality*) seperti yang dihasratkan oleh kerajaan.

Misran Rokimin (2009) pula telah mengupas unsur dakwah dalam tiga buah novel oleh Faisal Tehrani, iaitu *1511[Kombat]*, *Advencer Si Peniup Ney* dan *Manikam Kalbu*. Kajiannya ingin melihat kepengarangan Faisal Tehrani dan kreativitinya dalam menyampaikan dakwah. Dapatan kajian menunjukkan dengan jelas bahawa novel *1511[Kombat]* banyak mengungkapkan nilai agama dan keilmuan yang tinggi. Namun kajian ini hanya berfokus kepada sebuah novel sahaja sedangkan terdapat lagi beberapa novel yang boleh diterokai. Kajian berikutnya Nor Hazwani binti Mohd Mokhti (2009/2010) terhadap tiga buah novel, iaitu "*Ketupat Cinta*", "*Saasatul Ibaad*" dan "*Karbala*". Kajian ini bertujuan untuk membincangkan persoalan berkenaan aspek-aspek pemikiran syi'ah yang terkandung dalam tiga buah novel tersebut. Selain itu untuk mendedahkan bukti-

bukti wujudnya fahaman syi'ah dan persoalan khalifah yang menjadi isu dominan dalam karya-karyanya. Sementara itu, kajian oleh Che Suzielawati binti Ahmad (2012) pula meneliti unsur-unsur dakwah yang diterapkan oleh Zaid Akhtar dan Faisal Tehrani. Novel-novel Faisal Tehrani yang dikaji ialah novel *Manikam Kalbu*, *1511[H] Kombat* dan *Bedar Sukma Bisu*. Keadah yang dijalankan ialah dengan meneliti watak dan perwatakan dengan konsep dakwah daripada petikan ayat-ayat al-Quran dan pandangan para sarjana tentang dakwah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa latar belakang pengarang yang mendapat pendidikan agama, mereka berusaha menggunakan daya kreativiti dan pemikiran untuk menyampaikan nasihat agama terutama kepada generasi muda agar mereka tidak lari daripada landasan kehidupan beragama terutama dalam menghadapi dunia yang penuh cabaran ini.

Kajian mengenai keagamaan diteruskan oleh Wan Zaliha binti Wan Othman (2013) yang menggunakan dua teori dan tiga prinsip berdasarkan Teori Intertekstualiti, iaitu transformasi, modifikasi dan ekspansi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Faisal Tehrani menghasilkan karyanya dengan merujuk kepada hipogram untuk tujuan berdakwah bagi menegakkan Islam Supremasi (Keunggulan Islam). Begitu juga dengan kajian Kamariah Kamarudin (2014) terhadap dua buah novel, iaitu *Tunggu Teduh Dulu* dan *Surat-surat Perempuan Johor* yang meneliti nilai Tarbiah dan Islah wanita Melayu Islam Pascamerdeka. Menurut pengkaji, kedua-dua novel ini memperlihatkan sumbangan wanita Melayu sebagai muslimah sejati, yang mendapat tempat dalam kalangan masyarakat hasil daripada pemusatan terhadap pendidikan tanah air pascamerdeka. Selain itu, kajian oleh Kamariah Kamarudin (2014) yang melihat aspek martabat wanita Melayu Islam dalam pelestarian dan pembangunan peradaban insan

dalam novel *Saudara* karya Arena Wati dan *Surat-surat Perempuan Johor* oleh Faisal Tehrani. Pengkaji berjaya membuktikan bahawa kedua-dua buah novel ini mengemukakan martabat wanita Melayu Islam sebagai *uswah* (model) dan *qudwah* (kepimpinan) yang berdaya maju, beriltizam tinggi dan berakhlak mulia dalam meletakkan masyarakat Melayu melalui penerapan unsur budaya, ilmu dan penyelidikan.

4.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Penyelidikan kualitatif merupakan suatu penyelidikan yang menghasilkan dapatan bukan menggunakan kemudahan prosedur statistik atau kemudahan kuantitatif yang lain (Strauss & Corbin, 1998). Selain itu, Patton (1978) menjelaskan penyelidikan kualitatif sebagai '*verstehen*' atau pemahaman yang simpatetik dan mendalam. Pendekatan '*verstehen*' adalah berdasarkan aplikasi kecerdasan kritikal kepada fenomena tanpa bergantung sepenuhnya kepada abstraksi representasi numerikal. Penyelidikan kualitatif menghasilkan data deskriptif yang merangkumi tulisan sendiri seseorang atau perkataan yang diucapkannya (Bogdan & Taylor, 1975). Setiap penyelidikan kualitatif bertujuan untuk mengkaji fenomena secara mendalam (Johnson, 1995) dan melibatkan kajian interpretif mengenai suatu isu atau masalah yang melibatkan pengkaji menumpukan makna yang dibuat oleh subjek kajian (Banister et al, 1994).

Dalam penyelidikan kualitatif, biasanya banyak soalan dan permasalahan muncul daripada pemerhatian yang dilakukan, dilema dan soalan daripada dunia sebenar dan berbentuk inkuiri yang meluas (Marshall & Rosmann, 1989). Kebanyakan kajian kualitatif percaya bahawa cara terbaik untuk memahami sesuatu fenomena ialah dengan

melihatnya mengikut konteks. Kajian Kualitatif cuba menyingkap tabii pengalaman seseorang dengan fenomena sosial secara semula jadi (Strauss & Corbin, 1990). Dalam kajian ini, dilakukan secara kualitatif kerana melibatkan fenomena dalam teks yang melibatkan pengarang dan kisah-pemikiran dalam teks.

5.0 Analisis Pemikiran Dalam Novel-novel Terpilih Faisal Tehrani

Menurut Sahlan Mohd Saman (2005), karya sastera sebagai wadah yang sangat berpengaruh untuk membentuk pemikiran masyarakat. Oleh itu peranan novelis sebagai penghasil karya sastera menjadi lebih berat. Sartre (dalam Sahlan Mohd Saman, 2005) mengatakan sebagai novelis, individu ini telah memilih untuk mengarang cereka dengan tujuan untuk mendedahkan sesuatu kepada manusia dan dunia. Sehubungan itu dalam tempoh 19 tahun berkarya, Faisal Tehrani telah menghasilkan 24 buah novel yang memperlihatkan pelbagai aliran, ciri dan aspek pemikiran dalam dengan gaya tersendiri. Dalam Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996), menyatakan 'pemikiran' bermaksud perihal berfikir (memikir). Berfikir dalam konteks ini pasti dihasilkan oleh pemikir. Pemikir bermaksud orang yang berfikir. Jadi orang yang berfikir itu menghasilkan pemikiran. Pemikiran tersebut dikaitkan dengan sesuatu yang lebih bermakna, besar dan jitu. Menurut Wilbur Scott (1962), sastera itu tidak lahir daripada kekosongan. Sementara itu, Swingewood (1972) berpendapat bahawa karya sastera adalah refleksi social. Kenyataan ini menunjukkan bahawa karya sastera adalah cerminan sosial, iaitu gambaran tentang realiti masyarakat dan zaman karya itu dihasilkan.

Merujuk kepada novel-novel Faisal Tehrani, aspek pemikiran merupakan elemen yang dilihat diutamakan dan menjadi kekuatan dalam penulisannya. Pemikiran-pemikiran

yang diketengahkan adalah isu-isu yang berlaku dalam negara dan masyarakat, daripada pengalaman, pembacaan, persekitaran dan sebagainya. Antara pemikiran yang begitu ketara dikupas dan dibentangkan ialah pemikiran kesosioekonomian, kepolitikan, keagamaan dan sosial atau kepancarobaan. Semua pemikiran Faisal Tehrani ini saling tindih menindih dan saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Kajian ini akan meninjau aspek pemikiran tersebut dalam enam buah, iaitu novel *Perempuan Politikus Melayu (PPM)*, *1511H[Kombat]*, *Surat-surat Perempuan Johor (SsPJ)*, *Tunggu Teduh Dulu (TTD)*, *Bahlut* dan *Bagaimana Anyiss Naik Ke Langit? (BANKL?)*.

6.0 Pemikiran Kepolitikan

Situasi politik dalam negara yang sering menjadi fokus kepada Faisal Tehrani adalah mengenai peranan dan tanggungjawab pemimpin untuk membawa negara ke arah kesejahteraan dan membangun maju yang berpaksikan ajaran agama Islam. Faisal Tehrani juga merujuk kepada teks-teks Melayu lama bagi menyorot dan menimbulkan semula kegemilangan kerajaan Melayu lama seperti pada zaman Kesultanan Melaka. Dalam konteks pemikiran Faisal Tehrani berdasarkan beberapa novelnya yang bergenre politik, Faisal Tehrani lebih menumpu kepada nilai atau sahsiah pemimpin, agenda membangunkan bangsa, negara dan menjadikan agama Islam sebagai landasan kehidupan. Penekanan aspek ini dapat ditemukan dalam novel *PPM*, *SsPJ*, *Bahlut* dan *BANKL?* Kepekaan terhadap masalah politik dan keperluan kepada pemimpin yang berintegriti sebagaimana diungkap dalam beberapa novelnya membuktikan Faisal Tehrani seorang yang idealisme. Idea dan perasaan yang dialami oleh Faisal tersebut selari seperti yang dinyatakan oleh Abdul Rahman Embong (2014):

Kekecewaan terhadap prestasi sesetengah pemimpin sebelum ini sering menjadi punca rakyat menolak mereka. Tuntutan rakyat terhadap kualiti dan prestasi pemimpin yang berwawasan, berketerampilan dan berintegriti, serta mampu membuat perancangan yang selaras dengan peredaran zaman. Mereka mahukan pemimpin yang mesra rakyat dan mampu membawa rakyat dan negara maju ke hadapan. Perubahan set minda bukan sahaja perlu bagi rakyat terbanyak, bahkan pertama-tamanya amat perlu bagi mereka di barisan pimpinan itu sendiri.

Menerusi novel *PPM*, Faisal Tehrani menghadirkan pemikiran politik dan kegiatan ekonomi yang berlaku pada masa itu. Mengikut Amilda Abdulhamid (2008), novel *PPM* meletakkan pembaca di pusat pergolakan politik, mungkin politik tanah air, mungkin politik di mana-mana sahaja. Hakikatnya, setiap individu yang berkecimpung dalam politik memang menumpukan perhatian kepada perjuangan untuk memperoleh dan mempertahankan kekuasaan, mengukuhkan kuasa dan melaksanakan kekuasaan. Kekuasaan dicari oleh pemimpin politik kerana dengan kekuasaan itulah mereka dapat memimpin dan mempengaruhi orang lain, serta memenuhi agenda peribadi dan perti mereka (Jeniri Amir, 2012). Dalam novel *PPM*, pemikiran kegiatan politik dan penyalahgunaan kuasa menjadi fokus utama. Permasalahan ini dihadirkan melalui watak Datuk Zuri dan Tan Sri Yadi. Mereka melakukan apa sahaja untuk mengekal dan mengukuhkan pengaruh kuasa dan kekayaan. Datuk Zuri digambarkan seorang pemimpin yang tamak dan menggunakan kuasa untuk kepentingan diri dan politiknya. Datuk Zuri sedar bahawa duit dan kuasa sangat penting untuk mengekalkan kuasa dan

pengaruhnya. Datuk Zuri telah menggunakan kedudukan bagi memiliki banyak syarikat untuk membantu kerjaya politiknya. Datuk Zuri mempunyai syarikat yang dikenal sebagai *READ* dan mempunyai 27 buah anak syarikat yang bergiat dalam perniagaan harta tanah. Datuk Zuri telah menggunakan kuasanya untuk melebarkan operasi syarikat dan kekayaannya dengan menjadikan syarikat untuk menjalankan projek-projek yang dirangka. Misalnya anak syarikatnya bernama *Red Jentayu Development Corporation* ditugaskan untuk membangunkan kawasan kampung Gunung Jentayu untuk dijadikan padang golf dan membina kondominium. Selain itu, digambarkan kegagalan Tan Sri Yadi untuk menyekat dan menjatuhkan Datuk Zuri disebabkan tidak mempunyai kewangan yang banyak dan kukuh seperti dimiliki oleh Datuk Zuri. Secara jelas menunjukkan Datuk Zuri menggunakan kuasa politiknya untuk mencari kekayaan tanpa menghiraukan hak orang lain, khasnya masyarakat marhaen.

Menerusi novel *SsPJ*, turut difokuskan mengenai permasalahan politik dan kepimpinan, sebagai peringatan kepada dalam masyarakat Islam masa kini. Bagi Faisal Tehrani, sejarah kegemilangan yang dibina dan dicapai oleh masyarakat dahulu disebabkan peranan pemimpin dan berpegang teguh kepada ajaran agama Islam. Semasa Johor di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar dan Sultan Ibrahim, negeri Johor menjadi negeri yang maju dan kuat sehingga dikatakan pengganti kepada negeri Melaka yang telah dijajah oleh Portugis. Kemajuan dan kejayaan negeri Johor muncul sebagai negeri maju kerana faktor politik, ekonomi dan agama Islam yang kuat dan mantap dalam kalangan pemimpin. Justeru, Faisal Tehrani menghadirkan kembali sejarah kemajuan negeri Johor dalam aspek agama, sosial, ekonomi dan politik untuk dijadikan renungan dan pedoman kepada pemimpin serta ahli politik dewasa ini.

Menyedari hakikat ini, Faisal Tehrani menghadirkan pemikiran ini bagi mengingatkan pemimpin dan masyarakat supaya bersatu padu bagi menyekat pengaruh barat yang terus menerus cuba menjajah negara kita tetapi dalam bentuk baharu. Kesannya sehingga kini kita mengamalkan gaya hidup barat, melaksanakan hukuman atau undang-undang bersumberkan barat, menjalankan sistem ekonomi barat dan sebagainya.

Selain itu, Faisal Tehrani mengetengahkan permasalahan integriti dari ketirisan kepimpinan atau pemimpin yang dipilih atau dilantik. Pada perspektif Faisal Tehrani, golongan pemimpin masa kini sedang berada dalam situasi yang membimbangkan kerana sering terdedah dan melakukan sesuatu yang akan merugikan bangsa dan negara. Oleh itu, Faisal mahu masyarakat kembali menyorot sejarah atau peristiwa yang berlaku untuk dijadikan pedoman dan pengajaran. Bagi Faisal Tehrani, dengan membaca dan menghayati sumber-sumber sejarah, dapat memberi kesedaran dan petunjuk untuk menjadi pemimpin yang unggul dan teguh dalam membangunkan negara, bangsa dan agama. Permasalahan moral dan integriti dalam kalangan pemimpin diperlihatkan pada ayahanda Ungku Nur dan Norhishamudin. Dalam memperkatakan hal ini, Ungku Nur berasa kecewa kerana ayahandanya telah terpengaruh dengan kegiatan politik yang kotor untuk mengekalkan kuasa dan jawatannya.

Seterusnya dalam novel *Bahlut*, Faisal Tehrani turut membentangkan subjek penyalahgunaan kuasa oleh pemimpin ahli politik dan birokrat serta pemimpin tradisi. Masalah rasuah yang melanda dalam masyarakat telah berlaku dalam kalangan masyarakat peribumi. Amalan rasuah dan mementingkan diri dipaparkan melalui watak pemimpin atau pegawai-pegawai atasan, Batin Endau dan Tiat yang telah menerima

rasuah daripada taukeh pembalok bagi membolehkan pembalokan dilakukan melebihi had yang ditetapkan. Selain itu, Bahlut menghadapi kesukaran untuk membongkar dan melawan pihak yang terlibat dengan pembalokan di kampungnya kerana melibatkan pihak atasan atau pihak yang besar pengaruh dan politiknya. Bahlut hanya berasa puas dan gembira setelah Perdana Menteri berjanji untuk menyiasat dan mengesan pihak yang terlibat dalam kegiatan pembalokan haram di kampungnya. Secara jelas, Faisal Tehrani menghadirkan pihak-pihak atasan, pemilik syarikat pembalokan sebagai manusia yang materialistik dan golongan *opportunist* kerana tidak memikirkan nasib yang menimpa golongan yang hidup dalam kesempitan dan kesusahan. Pegawai-pegawai dan golongan berpengaruh di atasan berkomplot membantu syarikat pembalokan untuk menguasai dan melakukan pembalokan sesuka hatinya. Individu atau pihak yang bersubahat dengan taukeh akan mendapat habuan berbentuk wang dan wanita.

7.0 Pemikiran Kesosioekonomian

Pemikiran kesosioekonomian digarap dalam novel *PPM*, *TTD*, *Bahlut* dan *BANKL?* Pemikiran sosio ekonomi ini bertumpu kepada masalah kemiskinan dan kesempitan hidup. Masalah ini tidak hanya berlaku di luar bandar tetapi juga di bandar. Misalnya, dalam novel *PPM*, digambarkan berlaku kemiskinan dalam kalangan masyarakat di luar bandar. Faisal Tehrani memperlihatkan penduduk kampung Jentayu tidak menerima pembangunan yang sebaiknya seperti di bandar. Hal ini disebabkan oleh sikap sesetengah ahli politik yang dipilih tidak menjalankan tanggungjawab mereka dengan betul dan tidak menunaikan janji semasa sebelum pilihan raya dilakukan. Sebaliknya pula, ahli politik bertindak dengan merampas pula harta atau sumber rezeki masyarakat yang

memilihnya, semata-mata untuk kepentingan diri dan pembangunan yang akan menaikkan imejnya. Situasi ini diperlihatkan melalui keadaan penduduk di Kampung Jentayu yang masih dibelenggu kemiskinan. Mereka bergantung hidup dengan mengerjakan tanaman padi. Oleh itu, kehidupan mereka sangat daif dan serba kekurangan. Situasi ini digambarkan pada watak Jora dan Haji Chenon yang mengerjakan sawah padi sebagai sumber pencarian utama mereka. Oleh sebab itu, mereka membantah apabila tanah-tanah sawah mereka diambil untuk dijadikan tapak pembinaan padang golf dan perumahan elit. Sementara itu, Jora terpaksa menyerahkan anaknya ke rumah anak yatim kerana tidak mampu menyara hidup akibat kemiskinan yang dihadapinya.

Pemikiran kemiskinan menjadi subjek utama dalam novel *Bahlut*. Faisal Tehrani membentangkan keadaan kehidupan masyarakat Orang Asli, suku Semai yang terpencil di pedalaman. Justeru itu, kehidupan mereka terus dibelenggu kemiskinan, terpencil, tertutup, kolektif, naif dan sukar menerima perubahan. Lantaran kedudukan yang jauh, menyebabkan masyarakat Orang Asli tidak dapat menikmati pembangunan seperti kemudahan jalan raya, elektrik, air dan barangan asas. Masyarakat yang terpinggir ini mendapatkan sumber pencarian dengan mengerjakan penanaman padi bukit dan hasil-hasil hutan seperti rotan, gaharu dan memburu binatang-binatang. Melalui sumber yang kecil dan semakin berkurangan menyebabkan kehidupan mereka dihimpit kemiskinan. Gambaran keadaan kemiskinan masyarakat Orang Asli dapat dilihat dalam petikan berikut:

Sesekali andai terserempak dengan kera atau biawak, dan kebetulan ada sumpitan siap berlumur racun getah ipoh, ibunya akan menasarkankan binatang buruan tersebut. Memang berburu begitu bukan kerja orang perempuan. Namun sejak kehilangan bapanya mereka harus merubah tabiat dan gaya hidup.

Ibunya juga kini mengerjakan padi huma dengan beberapa orang jiran. Mengerjakan ladang padi seperti itu lebih jimat dan tidak memenatkan. Sebelah petang ibunya akan menebas jagung, atau tebu atau mungkin mendapatkan ubi (*Bahlut*, hlm. 18-19).

Pemikiran kemiskinan mengenai masyarakat di luar bandar diteruskan dalam novel *BANKL?* Realitinya, masyarakat peribumi atau masyarakat di luar bandar masih hidup dalam kemiskinan dan ketinggalan dalam menikmati pembangunan prasarana seperti masyarakat di bandar. Dalam novel ini, digambarkan masyarakat Penan digambarkan hidup dalam kemiskinan dan sangat bergantung kepada hutan sebagai sumber pendapatan. Oleh itu, mereka bangkit menentang kegiatan pembalakan yang sedang dijalankan kerana akan menjejaskan sumber hasil hutan yang selama ini menjadi sumber pencarian dan rezeki kepada mereka. Perjuangan untuk menuntut hak dan keadilan ini dilakukan oleh Prof. Anyss yang berasa simpati dengan nasib yang menimpa masyarakat Penan.

8.0 Pemikiran Keagamaan

Faisal Tehrani merupakan pengarang yang menerima dan mempunyai tahap pengetahuan agama Islam mendalam. Sehubungan itu, pemikiran agama menjadi fokus

yang dibawa dalam hampir semua novelnya. Novel-novel *PPM*, *1511H[Kombat]*, *SsPJ*, *TTD*, *Bahlut* dan *BANKL?* membicarakan pemikiran agama sama ada secara mendalam dan sisipan. Terdapat banyak penggunaan surah al-Quran, hadis dan sirah Rasulullah dan sahabat nabi bagi meneguhkan pemikiran digarap. Misalnya, penggunaan ayat-ayat al-Quran, hadis dan kisah-kisah zaman Rasulullah yang banyak dilakukan pengukuhan dan peneguhan ini dapat dilihat dalam novel *1511H[Kombat]*, *SsPJ* dan *TTD*. Dalam *1511H[Kombat]* dikemukakan dengan surah-surah yang berkaitan dengan perjuangan atau jihad. Bermula dari bab pertama sehingga ke bab lapan belas, banyak penggunaan surah-surah dari al-Quran, hadis dan kisah Rasulullah dan Nabi Ibrahim dimasukkan oleh Faisal Tehrani. Dalam bab pertama sudah dihadirkan 'fata', Surah al-kahfi, Surah an-Anfah, Surah Yasin, Surah at-Taubah, Surah Ali Imraan, Surah al-Anfal, Surah Ali Imraan, Surah an-Nisaa, Surah an-Nisaa, Surah al-Anfal, Surah al-Baqarah, Surah Ali Imraan, Surah al-Saf, Surah al-Hajj, Surah at-Taubah, Surah Ali Imraan dan Surah a-Kahfi. Rata-rata petikan ayat-ayat dari pelbagai surah ini bertujuan untuk membangkitkan semangat berjuang, berjihad, keberanian dan demi agama dan bangsa. Bagi menunjukkan pengukuhan dan kesungguhan untuk menerapkan ajaran Islam tersebut, Faisal Tehrani telah membawa pemikiran yang sama maksud atau tujuannya walaupun daripada surah yang berbeza. Sebagai contoh penekanan ajaran Islam mengenai tuntutan berjuang atau berjihad dibuat dalam novel *PPM*, *1511H[Kombat]*, *TTD* dan *BANKL?*

Dalam novel *SsPJ*, terdapat banyak petikan ayat-ayat al-Quran bagi mengukuhkan pemikiran yang disampaikan. Ayat-ayat yang dimasukkan dalam novel ini juga mempunyai perkaitan dengan cerita dalam bab sebelum dan selepasnya. Menerusi

novel ini pemikiran agama yang disampaikan adalah untuk memupuk sikap untuk berani, berjuang, tabah, bersabar dan berpegang teguh dengan ajaran agama Islam dalam menghadapi masalah hidup. Oleh itu, terdapat petikan ayat-ayat al-Quran dan hadis disisipkan, iaitu Surah al-Hujurat, Surah al-Nahl, surah al-A'raf, Surah an-Nisaa, Surah al-Hijir dan Surah ad-Dahr. Seterusnya dalam *TTD*, disertakan surah atau ayat-ayat untuk memupuk dan mendorong supaya menjadi seorang insan atau individu yang kuat, berani, tabah, berusaha dan berjaya dalam mencapai cita-citanya. Faisal Tehrani telah mengambil banyak petikan ayat al-Quran seperti Surah al-Waqiah, Surah at-Taubah dan Surah al-Muzammil, Surah al-A'raf dan Surah al-Maidah.

Faisal Tehrani seolah-olah ingin berdakwah dan menyampaikan mesej kepada pembaca dengan memasukkan semua amalan kehidupan berlandaskan ajaran Islam. Sehubungan itu, semua amalan kecil sehingga yang besar yang dituntut dalam agama seperti menunaikan ibadah solah, mengaji al-quran, menunaikan umrah, haji, menutup aurat dan berjihad diungkapkan dalam novel-novelnya. Misalnya, amlan mengerjakan umrah dibicarakan dalam novel *1511H[Kombat]* dan *TTD*. Misalnya, dalam novel *1511H[Kombat]* digambarkan Hajah Nusaybah telah mengerjakan umrah sebelum meletusnya peperangan. Melalui umrah dan lawatan ke makan Rasulullah saw serta tempat-tempat bersejarah dalam Islam, memberi semangat untuk berjuang mempertahankan agama Islam dan kota Mekah serta Madinah daripada serangan negara Barat yang diketua Presiden Nosirname. Seterusnya dalam novel *TTD*, Faisal Tehrani menerangkan dengan rinci dan mendalam mengenai pelaksanaan menunaikan umrah atau haji. Keadaan mengerjakan umrah ini disampaikan melalui watak Salsabila dan ibu tirinya.

Selain menekankan aspek ibadah haji dan umrah, amalan solat turut ditegaskan dalam novel-novelnya. Sembahyang atau solat merupakan amalan paling penting kepada seseorang beragama Islam dan amalan yang pertama akan disoal apabila berada di alam kubur atau barzakh. Oleh itu amalan ini dimantapkan dari novel awal hingga novel *BANKL?* Dalam novel *PPM* digambarkan Haji Chenon dan Mak Milah sering menunaikan solat di masjid dan di rumah. Terdapat pula masjid di kampung Jentayu yang menjadi tempat untuk mereka mengerjakan solat berjemaah dan melakukan pelbagai aktiviti keagamaan. Sementara itu, dalam *1515*, diperlihatkan solat yang dilakukan oleh Nyemah Mulya dan rakan-rakan sepasukannya. Seterusnya dalam *1511H[Kombat]* digambarkan amalan solat turut diberi penekanan. Amalan solat ini ditampilkan pada watak Hajah Nusaybah, Muhammad Ameen, Emrullah dan lain-lain lagi. Dalam novel ini, solat yang diwujudkan bukan sahaja bertumpu pada solat wajib sebanyak lima waktu tetapi turut menerapkan solat sunat dan lain-lain.

Dalam *TTD* pula diperlihatkan Salsabila dan mak ciknya yang melakukan solat fardhu dan solat sunat bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT. Amalan solat dijadikan unsur dakwah ini digambarkan melalui watak Salsabila, yang sangat menjaga solat dan menjadikan solat sebagai saluran untuk mendapatkan petunjuk, perlindungan, kebahagiaan dan sebagainya. Sebagai contoh Salsabila telah melakukan solat sunat istikharah bagi mendapat petunjuk untuk memilih Kamil atau Lam sebagai bakal suaminya. Tuntutan menunaikan Rukun Islam yang kedua ini terus diperkukuh dalam *Bahlut* yang memperlihatkan keluarga Ust Zaidi yang mengerjakan solat secara berjemaah dan ini menarik perhatian Bahlut kepada agama Islam. Novel *BANKL?* diperlihatkan amalan solat terus dimantap dan dibuat pembaharuan dari segi

pelaksanaannya. Faisal Tehrani ingin mengingatkan bahawa orang Islam tidak boleh mengabaikan solat walau berada di mana. Malahan agama Islam telah memudahkan umat Islam yang menjadi musafir untuk mengerjakan solat dengan menyediakan solat jamak dan qasar. Situasi ini digambarkan melalui watak Profesor Anyss yang tidak mengabaikan solat. Walaupun Profesor Anyss berada di Negara China, solat tidak pernah ditinggalkannya dan apabila masuk waktu terus mengerjakan solat kerana tempoh masa antara solat sangat berbeza dengan jarak di negara Malaysia.

9.0 Pemikiran Sosio Sosial

Faisal Tehrani semakin memperlihatkan kedewasaan dalam berkarya dengan mengubah pemikiran, tema, permasalahan dan teknik penceritaan dalam novel-novelnya. Masalah sosial yang diungkapkan adalah berkaitan masalah moral, akhlak dan sahsiah dalam masyarakat tanpa mengira umur, bangsa, jantina, kedudukan dan agama. Masalah sosial dalam pengkajian ini merujuk kepada gejala sosial yang besar, berpengaruh dan sering dihebahkan dalam media massa. Menurut Talib Samat (2010), masalah sosial ialah isu-isu semasa yang meliputi semua aspek kehidupan manusia yang mencetuskan perbincangan hangat dalam kalangan masyarakat awam atau pemerintah. Novel-novel *PMM*, *SsPJ*, *TTD*, *Bahlut* dan *BANKL?* memperlihatkan pemikiran ini diperkatakan dengan mendalam.

Dalam *PPM*, masalah sosial yang ditampilkan ialah mengamalkan gaya hidup yang bebas, sumbang muhram, seks bebas, mengambil minuman dan beralkohol. Masalah sosial ini digambarkan melalui watak Jenny, Ricky, Gunjai, Datuk Zuri, Datin E. Malini dan Datin Barbara. Watak Jenny digambarkan sanggup menjadi perempuan

simpanan dan terlibat dalam pelacuran bagi mencapai cita-cita untuk hidup mewah. Ini kerana Jenny sedar bahawa setakat menjadi penyanyi atau artis tidak akan memberi kemewahan dan kesenangan pada dirinya. Oleh itu, Jenny bukan hanya melayan Datuk Zuri tetapi juga melayan rakan-rakan perniagaan Datuk Zuri. masalah sosial turut oleh Gunjai, Ricky, Datin Malini dan Datin Barbara merupakan antara keruntuhan akhlak dalam kalangan warga kota. Golongan belia yang terlibat dalam masalah sosial ini tidak mengira bangsa, jantina, status dan agama. Misalnya Jenny berbangsa Tionghua, manakala Gunjai beragama Islam dan Ricky beragama Kristian. Namun mereka digambarkan terlibat dalam gejala sosial di bandar kerana sebab-sebab tertentu seperti masalah dalam keluarga, kekurangan pegangan agama dan pengaruh rakan.

Menerusi novel *SsPJ* pula masalah keruntuhan moral dan akhlak ditampikan melalui watak Norhishamudin. Watak Norhishamudin digambarkan belia yang berasal daripada keluarga yang berstatus tinggi dan hidup dalam kemewahan. Oleh sebab kurang pegangan agama, pengaruh persekitaran dan kemewahan yang dimiliki menyebabkan dirinya terjebak dalam amalan hidup tidak bermoral seperti gemar berfoya-foya, curang dan mengabaikan isteri. Dalam novel *TTD* pula pemikiran ini disalurkan menerusi watak Shahruzzaman dan Mimi. Watak Shahruzzaman digambarkan seorang pemuda yang liar, tidak bercita-cita dan berwawasan untuk masa depannya. Kehidupannya banyak menghabiskan masa bersama rakan-rakan untuk bersosial, melepak, berpelesenan dan mengambil minuman keras. Shahruzzaman tidak mahu bekerja dan banyak menghabiskan wang serta memeras ugut Salsabila supaya memberi duit kepadanya untuk bersosial.

Faisal Tehrani turut mengambil perkahwinan sebagai pemikiran dalam novel-novelnya. Subjek perkahwinan ini walaupun kecil tetapi dapat diungkap dengan baik bagi menyampaikan pemikirannya mengenai perkahwinan. Subjek perkahwinan yang disampaikan ialah perkahwinan campur, perbezaan umur dan status sosial. Faisal Tehrani membina pemikiran ini kerana melihat perkahwinan sebagai satu perkara yang penting. Keluarga merupakan komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat dan seterusnya negara. Tanpa institusi keluarga, kewujudan negara tidak akan sempurna. Islam memandang keluarga sebagai sebuah institusi pencorak masyarakat yang bakal dibina (Abd. Rahim Abd. Rashid et. al., 2007). Pemikiran ini dapat dilihat dalam *PPM*, *1515*, *SsPJ*, *TTD* dan *Bahlut*. Semua novel tersebut, memperlihatkan perkahwinan campur yang melibatkan perbezaan bangsa, agama, budaya dan negara. Faisal Tehrani ingin mengemukakan masalah yang akan berlaku sekiranya berlaku perceraian. Terdapat pelbagai faktor yang boleh menyebabkan perceraian seperti perbezaan agama, budaya, psikososial, pegangan agama yang longgar dalam diri pasangan, kecurangan suami dan isteri dan sebagainya. Faisal Tehrani mengukuhkan kesan yang wujud masalah apabila perceraian berlaku. Antara masalah yang dihadapi setelah berlaku perceraian ialah perebutan hak penjagaan anak, pembahagian harta, murtad dan masalah emosi. Misalnya, dalam *PPM* diperlihatkan Kasmariza berkahwin dengan Michener yang berasal dari Papua New Guinea. Namun begitu, usia perkahwinan Kasmariza tidak berkekalan dan menghadapi masalah setelah mereka berkahwin. Masalah yang timbul ialah perbezaan agama dan budaya sehingga membawa kepada perceraian. Setelah berpisah, Michener kembali kepada agama asal dan membawa anak-anak bersamanya. Sementara itu, Kasmariza berjuang untuk

menuntut hak penjagaan kerana tidak mahu anak-anaknya akan beragama bukan Islam jika terus bersama bekas suaminya.

Seterusnya isu perkahwinan campuran ini diperkukuh dalam novel *1515*. Dalam novel ini, diperlihatkan Adi Fimiyun dipaksa berkahwin dengan Maude oleh bapanya. Oleh sebab paksaan dalam perkahwinan, menyebabkan tidak wujud perasaan kasih sayang, menghargai pasangan, menghormati pasangan dan mendidik pasangan supaya menjadi isteri yang soleh atau taat kepada agama. Adi Fimiyun tidak pernah melayan dan menunaikan tanggungjawab secara zahir dan batin kepada Maude. Adi Fimiyun sepatutnya melayan dan mendidik Maude dengan baik kerana dia bukan beragama Islam. Dalam *SsPJ* pula digambarkan Tuk Hamidah telah berkahwin secara tersembunyi dengan Recep dan mereka hidup dengan bahagia. Perkahwinan campur ini diteruskan melalui watak Ungku Nur. Ungku Nur telah memilih Cem seorang warga Itali sebagai suaminya setelah pernah gagal dalam perkahwinan pertamanya dengan Norhishamudin. Begitu juga dalam *TTD* diperlihatkan Teh Sofia yang telah berkahwin dengan Rendy seorang warga Indonesia. Mereka sangat bahagia dan bersama-sama memajukan perusahaan ladang betik sehingga menjadi pengeluar betik yang utama di Indonesia dan rantau Asia Tenggara. Apa yang ingin ditegaskan oleh Faisal Tehrani ialah mesti ada kasih sayang, saling mempercayai, persefahaman, komunikasi yang baik dan lebih penting mempunyai pegangan agama yang baik akan memastikan perkahwinan tidak mudah goyah.

Dalam *Bahlut* pula digambarkan orang Melayu-Islam berkahwin dengan masyarakat orang asli. Realitinya, tidak ramai bangsa Melayu yang memilih pemuda atau

gadis orang asli untuk dijadikan pasangan hidup. Namun begitu, Faisal Tehrani ingin mendedahkan terdapat orang Melayu-Islam yang berkahwin dengan masyarakat orang asli. Menerusi novel *Bahlut* ini diperlihatkan Ust. Zaidi pernah berkahwin dengan Khadijah seorang gadis suku kaum Temuan. Setelah kematian isteri dan Mak Su Suraya, sekali lagi Ustaz Zaidi berkahwin dengan gadis orang asli suku Semai, iaitu Embun. Selain itu, digambarkan juga orang asli berkahwin dengan warga negara asing iaitu, bapa Bahlut, Tiji telah berkahwin dengan warga negara Korea yang dikenali dengan nama Siti Aisyah. Secara tersirat Faisal Tehrani ingin menyampaikan pemikiran mengenai persoalan perkahwinan yang berlaku dalam masyarakat di negara ini.

10.0 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Faisal Tehrani mengambil pelbagai masalah masyarakat sebagai sumber idea dan pemikiran dalam novel-novelnya. Faisal Tehrani menghasilkan novel bukan untuk hiburan tetapi mempunyai visi dan misi serta tujuan tertentu seperti menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat, menyampaikan mesej, membuat kritikan dan sebagainya. Sehubungan itu, subjek yang menjadi idea dan pemikiran dalam setiap novel merupakan isu berpanjangan, permasalahan semasa dan sebagainya yang digarap daripada pengalaman, pemerhatian, pembacaan dan pengkajian. Tidak dinafikan juga terdapat pemikiran-pemikiran yang sama dalam novel-novelnya dan pengarang lain dibincangkan. Namun begitu dengan sensitiviti dan kreativitinya, subjek-subjek yang menjadi pemikiran dapat disampaikan dengan gaya tersendiri. Segala pemikiran yang digarap dapat dikesan dengan jelas melalui tema, plot, perwatakan, latar dan teknik penceritaann yang dilakukan.

Faisal Tehrani menjadikan empat pemikiran utama dalam menggarap novel-novel, iaitu pemikiran kepolitikan, kesosioekonomian, kepencarobaan dan keagamaan sebagai sumber pemikiran dan subjek dalam novel-novelnya. Bagi pemikiran kepolitikan berfokus kepada kegiatan politik dan kelakuan pemimpin setelah berkuasa. Pemaparan pemikiran ini seolah-olah Faisal Tehrani meluahkan perasaan kecewa, marah, sindiran dan mengkritik pemimpin yang dilihat tidak menunaikan tanggungjawab kepada masyarakat, bangsa dan negara. Kesannya masalah dalam kalangan masyarakat seperti kemiskinan, pembangunan dan sebagainya akan terbantut disebabkan pemimpin yang dipilih atau dilantik tidak beramanah. Bagi pemikiran kesosioekonomian pula, Faisal Tehrani melihat keadaan kehidupan masyarakat secara menyeluruh dan merentas bangsa, agama dan tempat. Faisal Tehrani memperlihatkan isu kemiskinan dan peluang-peluang kerjaya sebagai subjek utamanya. Bagi aspek kemiskinan ini, diperlihatkan bukan hanya berlaku di kawasan desa dan bandar tetapi memperlihatkan kemiskinan dalam kalangan masyarakat orang asli yang tinggal di pedalaman. Faisal Tehrani secara terbuka dan tersirat membangkitkan subjek ini sebagai kritikan terhadap pihak-pihak tertentu yang dilihat mengabaikan kehidupan masyarakat menyebabkan masih ada yang hidup dalam kemiskinan, kesempitan dan pengangguran. Bagi pemikiran kepencarobaan pula, Faisal Tehrani mengetengahkan isu-isu semasa yang masih berlaku dan isu terpencil, seperti isu perkahwinan campuran yang semakin berlaku dalam negara pada masa kini. Subjek gejala sosial dalam kalangan masyarakat berlaku dari pelbagai peringkat umur, jantina, bangsa dan agama. Gejala sosial seperti keruntuhan moral dalam kalangan muda berlaku disebabkan oleh pengaruh rakan, kekurangan pegangan agama, inginkan kemewahan hidup dan masalah yang wujud dalam keluarga. Selain itu,

pada pemerhatian Faisal Tehrani, masalah sosial ini turut dilakukan oleh golongan berpengaruh hanya untuk keseronokan, kepentingan diri dan sebagainya. Pemikiran keagamaan didapati mendominasi dalam semua novel Faisal Tehrani. Pengambilan pemikiran ini selari dengan latar belakang pendidikan dalam bidang keagamaan. Sehubungan itu, pemikiran keagamaan yang diungkapkan merangkumi ajaran agama Islam dari perkara kecil seperti solat, mengaji al-Quran, menutup aurat dan mengerjakan umrah serta haji diterapkan sebaiknya sebagai pedoman kepada pembacanya. Melalui pemikiran-pemikiran ini, dapat mengukuhkan dan menyerlahkan sifat jati diri dan keperibadian Faisal Tehrani sebagai novelis yang menghasilkan karya sastera untuk bangsa, agama dan negara

Rujukan

- Abdul Rahman Embong. (2014). Pembinaan teori tempatan: Antara teori sosial dengan bidang sastera dlm, *Sastera dan manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amer Hamzah B. L. Kadir. (2009). *Ciri-ciri karismatik watak remaja feminin dalam novel novel remaja pilihan*. Laporan Projek Sarjana Pendidikan (Kesusasteraan Melayu) Fakulti Bahasa Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim.
- Amilda Abdulhamid. (2008). *Rangkaian falsafah dalam analisis sastera*. Tanjong Malim Perak:Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- A. Rahim Abdullah. (1996). Masalah nilai dan perubahan sosial dalam novel *Rimba Harapan*, dlm. *Konsep nilai dalam kesusasteraan Melayu*, disunting Siti Aisah Murad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Rahim Abdullah. (1995). *Pemikiran sasterawan nusantara: Suatu kajian perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Rahim Abdullah. (2010). Nasionalisme roh dan jiwa Melayu dalam novel Malaysia. *Dewan Sastera*. Ogos, 26-30.
- A. Samad Said. (1999). Pidato penerimaan anugerah sastera negara, dlm. *Koleksi terpilih Sasterawan Negara A. Samad Said*. diselenggarakan Sarah Sadon. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Wahab Ali. 2004. *Kesusasteraan Melayu moden dalam kajian dan kritikan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- A. Wahab Ali. (2009). *Kesusasteraan Melayu dalam bandingan dan pendidikan*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Banister, P., Burman, E., Parker I., Taylor, M & Tindall, S. (1994). *Qualitative methods in psychology: a research guide*. Buckingham: Open University Press.
- Bogdan, R.C. & Taylor, S.J. (1975). *Introduction to qualitative research methods*. New York: Wiley.
- Che Suzielawati binti Ahmad. (2012). *Dakwah: Satu kajian terhadap novel-novel karya Zaid Akhtar dan Faisal Tehrani*. Tesis Sarjana Falsafah. Jabatan Persuratan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faisal Tehrani. (2000). *Perempuan Politikus Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pemuda.

- Faisal Tehrani. (2004). *1511[Kombat]*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Faisal Tehrani. (2005). *Surat-surat Perempuan Johor*. Johor Bharu: Yayasan Warisan Johor.
- Faisal Tehrani. (2007). "Sesudah merdeka karya sastra bukan lagi bentuk". *Dewan Sastra*, Mei, hlm. 36-37.
- Faisal Tehrani. (2008). *Tunggu Teduh Dulu*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holding Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2010). *Bahlut*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holding Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2016). *Bagaimana Anyss Naik Ke Langit?* Bandar Baru Bangi: Percetakan Mutalib Uthman.
- Jelani Harun. (2004). *Ilmu kesusasteraan abad ke-21*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Jeniri Amir. (2010). Ilham, inspirasi dan keinginan, dlm *Dewan Sastra*, Mei 2010: hlm. 11-14.
- Jeniri Amir. (2012). Politik dan media dalam novel politik Shahnnon Ahmad. Dlm. *Pemikiran Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad*. Muhammad Haji Salleh (Pengenalan oleh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johnson, S.D. (1995). Will our research hold up under scrutiny? *Journal of Insustrial Teacher Education* 32 (3): hlm. 3-6.
- Junaidah binti Salleh. (2001). *Kepengarangan Noordin Hassan: Suatu analisis Teori Teksdealisme*. Projek Sarjana Sastra Jabatan Persuratan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamariah Kamarudin. (2014). *Novel Melayu dalam pelbagai perspektif*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Lim Swee Tin. 2009. *Pemikiran kesusasteraan: Wajah dan wadah kebudayaan kebangsaan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia.
- Maniyamin Ibrahim. (2009). *Konteks sastera budaya Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mazri bin Abdul Rahman. (2006). *Novel-novel Faisal Tehrani: Sorotan berdasarkan Gagasan Persuratan Melayu*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Bahasa: Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Marshall, C. & Rosmann, GB. (1989). *Designing qualitative research*. (1 st Ed.) Newbudy Park: Sage Publications.
- Misran Rokimin. (2009). *Kreativiti minda Melayu-Jawa dalam khazanah bahasa, sastera dan budaya*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Misran Rokimin. (2009). Pembangunan tamadun Islam akan berulang? Meneliti novel remaja 1511H[Kombat] karya Faisal Tehrani. *Akademika*. Bil. 75. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Haji Saleh. (1999). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Faizal b. Siad. (2007). *Model modal insan dalam novel-novel remaja pilihan*. Projek Sarjana Sastera. Pusat Pengembangan Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Taib Osman. (2011). *Sastera dan Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Zaimeri Bin Zainuddin. (2010). *Unsur-unsur Islam dalam sastera Melayu masa kini: Analisis terhadap cerpen dan novel*. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Yusof Hasan. (2009). *Pemikiran global Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Md. Salleh Yaapar. (2007). *The empire strikes back: Fiksyen kembara dan pengungkapan semula sejarah dan identiti Melayu dalam 1515*. Dlm *Prosiding Seminar Kesusasteraan Bandingan Antarabangsa 2007*. "Cabaran Alaf: Menjana warisan kesusasteraan Melayu sebagai kesusasteraan agung dunia" oleh Dato' Dr. Ahmad Kamal Abdullah, Mohd. Jusoh Majid dan Muhamad Ikhrum Fadhly Hussin (Penyelenggara). Kuala Lumpur: Persatuan Kesusasteraan Bandingan, Malaysia.

Nisah Haji Haron. (2007). Generasi penulis pascamerdeka. *Dewan Sastera*, Julai: 90-95.

Nisah Haji Haron. (2010). Bengkel penulisan kreatif: Bakat atau asuhan. *Dewan Sastera*, Mac: 22-25.

Nisah Haji Haron. (2012). Kreativiti *MacGyverisme* dalam sastera, dlm. *Dewan Sastera*. Mac: 13-15.

Noraini Md. Yusof. (2004). Ideologi dan konstruk jati diri Melaka dalam 1515. *Dewan Sastera*, Ogos: 11-14.

Norlina Shahidan. (1998). *Drama-drama A. Samad Said: Suatu kajian Teksdealisme*. Tesis Sarjana, Jabatan Persuratan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nor Hazwani binti Mokhti. (2009). *Aspek pemikiran Syi'ah di dalam novel bertajuk "Ketupat Cinta", "Saasatul Ibaad" dan 'Karbala' hasil karangan Faisal Tehrani*. Latihan

Ilmiah, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.

Patton, M.Q. (1978). *Utilization-focused evaluation*. Beverly Hills, CA: Sage.

Rahimah Haji A. Hamid. (2012). *Debu Merah: Menyorot kreativiti Shahnnon Ahmad tentang debu debu dalam kehidupan masyarakat*. Dlm. *Pemikiran Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad*. Muhammad Haji Salleh (Pengenalan oleh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosnah Baharudin. (2001). Novel alaf baru: Kembali ke sumber? *Dewan Sastera*. Mac: 12-13.

Rozninah Abd Aziz. (2004). Kubawa bakatku ke jalan futuwwah. *Dewan Sastera*. Ogos:6-10.

Rozninah Abd. Aziz. (2007). Wawancara bersama Faisal Tehrani. *Dewan Sastera*. Mac: 8-12.

Sahlan Mohd. Saman. (2005). Industri teori: Proses pembinaan sastera kebangsaan dan serantau, dlm. *Teori dan Kritikan sastera Melayu Serantau*, diselenggarakan oleh Hajjah Jais dan Muhamad Ikhrum Fadhly Hussin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sahlan Mohd Saman dan Shaiful Bahri Md. Radzi (Penyunting). (2012). *Persuratan Melayu tradisional ke moden*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shahnoh Ahmad. (1991). *Sastera sebagai seismograf kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shahnnon Ahmad. (2007). "Memetamorfosiskan keterampilan berkarya". *Dewan Sastera*, Mac, hlm. 90-93.

Sohaimi Abdul Aziz. 2004. *Novel dalam kritikan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Strauss, A.L. & Corbin, J. (1990). *Basics of qualitative research scientists*. Cambridge: Cambridge University Press.

Swingwood, A. (1972). *Theory*, dalam dunia Diana Laurenson and Swingwood, Alan. *The sociology of literature*. London: Gramada Publishings Limited.

Umi Ammar. (2004). *1511H[Kombat]: Novel yang mencabar pembaca*. Dewan Sastera, Ogos: 15.

Ummi Hani binti Abu Hassan. (2006). *Unsur tauhid dalam novel Tunggu teduh dulu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Wan Zaliha binti Wan Othman. (2013). *Novel-novel Faisal Tehrani: Kajian Intertekstualiti dan Dakwah*. Tesis Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.